

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

ZSE 262/3 - Geologi II

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab MANA-MANA ENAM soalan sahaja.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Bagaimanakah hipotesis tektonik keping menerangkan kewujudan jenis-jenis volkanisme "Hawaii", "Keliling-Pasifik" dan di rantau "Rekahan Afrika Timur"?  
(60/100)
- (b) Apakah ciri-ciri setiap satu jenis volkanisme yang dimaksud?  
(40/100)
2. Buatlah suatu esei mengenai proses-proses eksogen dan punca-punca tenaga yang menggerakkan proses eksogen.  
(100/100)
3. Berilah keterangan ringkas mengenai perkara/istilah yang disenaraikan:
  - (a) Hukum Darcy (20/100)
  - (b) Akuiklud (20/100)
  - (c) "Drawdown" (20/100)
  - (d) Faktor geseran (friction factor) (20/100)
  - (e) Mata air artois (20/100)
4. Perluluhawaan dikelaskan kepada luluhawa fizikal, kimia dan organik. Jelaskan ciri-ciri setiap satu kelas luluhawa dan bahaslah satu contoh daripada setiap satu kelas luluhawa.  
(100/100)

...2/-

5. (a) Bincangkan ciri-ciri geologi dan geofizik daripada tepian benua Atlantik dan tepian benua Pasifik. (25/100)
- (b) Lakarkan keratan rentas geologi daripada tepian benua jenis Atlantik dan juga bagi tepian benua jenis Pasifik serta namakan bahagian-bahagiannya. (50/100)
- (c) Terangkan corak keseismosan yang berkait dengan tepian benua Atlantik dan dengan tepian benua Pasifik. (25/100)
6. Berilah penjelasan ringkas mengenai perkara yang disebut:
- (a) Edaran Wilson (20/100)
- (b) Tanah Sunda (20/100)
- (c) Jambul mantel (mantle plume) (20/100)
- (d) Banjaran lautan (20/100)
- (e) Geoklin (20/100)
7. Hipotesis tektonik keping juga menerangkan hubungkait antara jenis permineralan (bijih) dan letaknya terhadap sempadan keping litosfera. Jelaskan hubungkait yang dimaksud. (100/100)
8. Bahaslah hipotesis-hipotesis astronomi dan geologi tentang kewujudan Zaman Ais. (100/100)

- oooOooo -